

**NO. SOALAN : 62**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MOHD NOR BIN HAJI MONUTTY**

**TARIKH : 4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN : 62**

**Dr. Mohd Nor Bin Haji Monutty** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah ada kursus etika dan profesionalisme untuk pemandu lori dan bas supaya kemalangan di jalan raya dapat dikurangkan.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) mempertanggungjawabkan pengendali untuk memastikan setiap pemandu dilatih dengan kemahiran asas keselamatan, pemanduan profesional dan pengendalian situasi kecemasan.

Bagi mencapai matlamat tersebut, SPAD telah memperkenalkan Kod Amalan (*Industrial Code of Practice* atau ICOP) Keselamatan SPAD (ICOP Keselamatan SPAD) yang komprehensif sebagai syarat lesen bagi pengendali bas melalui Pekeliling SPAD, Bil. 6/2013 pada Ogos 2013 dan bagi kenderaan barang melalui Pekeliling SPAD, Bil 9/2013 pada Oktober 2013.

Program ICOP Keselamatan SPAD telah dimulakan pada tahun 2013 bagi pengendali bas dan kenderaan barang untuk:

- (i) menerapkan nilai pentingkan keselamatan di setiap peringkat organisasi; dan
- (ii) menjadikan amalan keselamatan sebagai budaya setiap pengendali pengangkutan awam darat.

Di samping itu, bagi mengurangkan kes kemalangan jalan raya melibatkan kenderaan barang dan bas, SPAD turut memberikan latihan ICOP Keselamatan SPAD kepada pemandu dan pengendali kedua-dua kelas lesen tersebut. Audit tahap pematuhan ICOP Keselamatan SPAD juga dilaksanakan secara berkala, secara rambang dan selepas

berlakunya kemalangan. Sehingga Jun 2018, SPAD telah menjalankan sesi latihan ICOP Keselamatan SPAD kepada 6,429 pengendali bas dan kenderaan barang.

Antara langkah-langkah lain yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan kes kemalangan bas termasuk:

- (i) Peningkatan kekerapan program penguatkuasaan bersepadu dengan kerjasama rapat antara Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD);
- (ii) Pemantauan perjalanan melalui *Global Positioning System (GPS)* ke atas pemandu dan kelajuan oleh pihak berkuasa dan pengendali (pemantauan perjalanan di pusat kawalan operasi oleh penyelia syarikat) dan juga oleh SPAD; dan
- (iii) tapisan rekod buku log pemandu oleh JPJ dan SPAD bagi melarang pemandu yang sudah memandu selama lapan (8) jam untuk memandu melebihi had maksimum waktu memandu yang dibenarkan.